

KENYATAAN MEDIA

AMP CIDB 2018: TAWAR HADIAH WANG TUNAI RM90,000 KEPADA WARTAWAN

KUALA LUMPUR, 5 Februari: Anugerah Media Pembinaan (AMP) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 2018 yang mendapat kerjasama Kementerian Kerja Raya (KKR) kini dibuka dengan menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai berjumlah RM90,000 kepada media di seluruh Malaysia.

Anugerah yang memasuki tahun keempat pada tahun ini merupakan pengiktirafan kepada wartawan dan jurugambar yang komited dalam membuat liputan berkaitan sektor pembinaan yang telah disiarkan dan diterbitkan mulai **31 Julai 2017 sehingga 30 Jun 2018**.

Sebanyak tiga anugerah akan menjadi rebutan yang masing-masing menawarkan hadiah menarik berupa sijil penghargaan, trofi dan wang tunai sebanyak RM5,000 untuk pemenang pertama, kedua (RM3,000) dan ketiga (RM2,000) bagi setiap kategori. Antara kategori-kategori AMP CIDB 2018 ialah:

1. **Anugerah Media Cetak (Berita & Rencana)**
2. **Anugerah Media Elektronik & Online Broadcasting (Berita & Dokumentari)**
3. **Anugerah Fotografi**

Setiap karya perlulah berkisar tentang isu-isu sektor pembinaan secara keseluruhannya sebagaimana yang terdapat dalam empat teras strategik Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kemampanan Alam Sekitar, Produktiviti serta Pengatarabangsaan (maklumat lanjut rujuk di www.citp.my).

Walau bagaimanapun, CIDB tidak membataskan kreativiti para media sama ada dalam bentuk teks, audio, video atau foto asalkan ia adalah asli dan bukan diulang siar. Paling penting liputan tersebut perlu memberi impak kepada industri serta pembangunan negara.

CIDB mengalu-alukan penyertaan kepada seluruh warga Malaysia yang berkhidmat sebagai wartawan dan bekerja sepenuh masa dengan mana-mana organisasi media

cetak, elektronik dan portal media yang dikitiraf Kementerian Penerangan serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk menghantar karya masing-masing beserta deskripsi dan borang penyertaan kepada Institut Akhbar Malaysia atau *Malaysian Press Institute* (MPI) selewat-lewatnya pada **30 Julai 2018**.

Maklumat lanjut dan borang penyertaan AMP CIDB 2018 boleh diperolehi di www.mpi.my dan www.cidb.gov.my atau berhubung terus dengan sekretariat penganjuran AMP CIDB 2018 di talian:

Media : **Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak**

Nama: En. Salman Husni Abdollah

Telefon : 03 2095 2014 / 013 3658 511

Email : bukitledangmpi@yahoo.com

Media : **Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak**

Nama: Pn. Norlida Jamain

Telefon : 03 2095 2013 / 010 2263 865

Email : norlida_mpi@yahoo.com

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.



PENYERTAAN KINI DIBUKA! ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN CIDB 2018

KATEGORI & HADIAH #AMP2018

1. ANUGERAH MEDIA CETAK (BERITA & RENCANA)

PEMENANG PERTAMA RM 5,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KEDUA RM 3,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KETIGA RM 2,000 + SIJIL & TROFI
--	--	---

2. ANUGERAH MEDIA ELEKTRONIK & ONLINE BROADCASTING (BERITA & DOKUMENTARI)

PEMENANG PERTAMA RM 5,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KEDUA RM 3,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KETIGA RM 2,000 + SIJIL & TROFI
--	--	---

3. ANUGERAH FOTOGRAFI

PEMENANG PERTAMA RM 5,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KEDUA RM 3,000 + SIJIL & TROFI	PEMENANG KETIGA RM 2,000 + SIJIL & TROFI
--	--	---

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
30 JULAI 2018

Semua penyertaan perlulah dihantar ke:
Malaysian Press Institute (MPI)

BORANG PENYERTAAN DI :
<http://mpi.my>



MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI :

SALMAN HUSNI ABDOLLAH

bukitiedangmpi@yahoo.com

+603 20952013 / 2014

+6 013 365 8511

NORLIDA JAMAIN

norlida_mpi@yahoo.com

+603 20952013 / 2014

+6 010 226 3865



CIDB
MALAYSIA

mpi MALAYSIAN
PRESS
INSTITUTE